

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH
(JASIN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16.06.2015

Y.B. DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN HAMZAH [JASIN] minta

MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

(a) setakat ini hasil kejayaan usaha memulihkan ekonomi dan Ringgit Malaysia; dan

(b) prospeknya sepanjang tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, keadaan persekitaran luar yang tidak

menentu termasuk kejatuhan harga minyak mentah dunia serta kelembapan ekonomi serantau memberi kesan kepada ekonomi negara termasuk penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit. Namun demikian, ia dijangka memberi impak yang tidak begitu ketara kepada negara kita memandangkan struktur pasaran luar negara kini yang lebih pelbagai serta disokong oleh asas-asas ekonomi yang mampan.

1. Dari sudut mata wang, penyusutan kadar pertukaran nilai ringgit sejak September 2014 bukanlah suatu kes terpencil dan ianya didorong terutamanya oleh faktor luaran termasuk prospek ekonomi Amerika Syarikat (AS) yang lebih baik serta kejatuhan harga minyak mentah dunia. Mata wang serantau yang lain, termasuk ringgit Malaysia turut mengalami penyusutan nilai antara 1% sehingga 11.2% berbanding dolar AS sejak September 2014 hingga 13 Mei 2015.

1. Kerajaan telah mengambil langkah proaktif bagi memastikan kemampuan ekonomi dan mengawal kedudukan kewangan negara berikutan penurunan harga minyak mentah yang mendadak sejajar dengan perubahan senario ekonomi global. Antara langkah tersebut

termasuk:

- a. mempromosi perkhidmatan gantian-import seperti perkhidmatan perkapalan, pelabuhan, pendidikan dan profesional secara aktif bagi mengurangkan kebergantungan kepada sumber luar;
 - b. menyegerakan pelaksanaan cadangan daripada Majlis Eksport Negara;
 - c. menggalakkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Pelaburan (GLIC) melabur dalam negara;
 - d. menjadual semula pembelian aset tidak kritikal terutamanya peralatan pejabat, perisian dan kenderaan; dan
 - e. mengurangkan kos kendalian perniagaan melalui penurunan tarif elektrik bermula pada 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015 dan penangguhan cadangan kenaikan harga gas bagi sektor industri pada tahun 2015.
-
1. Perangkaan terkini menunjukkan bahawa prestasi ekonomi negara terus berkembang kukuh meskipun berhadapan dengan ketidaktentuan persekitaran luar. Dalam tempoh suku pertama 2015, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) benar mencatat pertumbuhan yang

memberangsangkan sebanyak 5.6% terutamanya disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang rancak. Perkembangan ini adalah hasil daripada pelbagai inisiatif yang diambil untuk mempelbagaikan ekonomi negara serta meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Tambahan pula, asas-asas ekonomi yang mapan seperti kadar pengangguran yang rendah, sistem kewangan yang teguh dan rizab antarabangsa yang tinggi turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada 30 April 2015, rizab antarabangsa telah meningkat kepada RM392.4 bilion berbanding RM389.7 bilion pada akhir Mac 2015.

1. Seperti mana-mana sistem kadar pertukaran yang fleksibel, turun naik jangka masa pendek adalah sesuatu yang mungkin berlaku, terutamanya dalam persekitaran global yang tidak menentu. Objektif dasar Kerajaan menerusi Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk memastikan keadaan yang teratur dalam pasaran pertukaran asing ringgit dan mengelakkan turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran. BNM melakukan pemantauan harian terhadap pasaran mata wang bagi memastikan pergerakan pasaran mata wang adalah

teratur. Usaha-usaha turut dilaksanakan untuk membangunkan dan memperdalamkan pasaran pertukaran asing dalam negeri dari segi saiz dan instrumen berupaya melindungi peniaga tempatan daripada terdedah kepada ketidakstabilan kadar pertukaran.

2. Berdasarkan perkembangan terkini, kedudukan mata wang ringgit semakin pulih dan telah mencatatkan prestasi terbaik berbanding mata wang serantau yang lain sejak April 2015. Ringgit menambah nilai sebanyak 3.1% berbanding dolar AS dan antara 0% sehingga 6.8% berbanding semua mata wang serantau. Penambahan nilai ringgit adalah terutamanya disumbang oleh kenaikan harga minyak mentah global dan penyusutan nilai dolar AS berikutan jangkaan pasaran terhadap penangguhan US Federal Reserve (Fed) untuk mengembalikan kadar faedah ke paras yang lebih wajar.

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan prestasi yang memberangsangkan pada 2014 dan momentum kecergasan pertumbuhan ekonomi dalam tempoh suku pertama 2015, prospek ekonomi Malaysia bagi keseluruhan tahun 2015

dijangka kekal kukuh disokong terutamanya oleh perkembangan permintaan domestik yang mapan serta sektor eksport yang berdaya tahan. Permintaan domestik akan terus diteraju oleh perbelanjaan sektor swasta sementara sektor awam akan terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi dijangka berkembang dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan sebagai pemacu utama pertumbuhan. Dengan perkembangan yang menggalakkan ini, Kerajaan yakin ekonomi negara mencapai sasaran melebihi 4.5% hingga 5.5% bagi keseluruhan tahun 2015 dengan defisit fiskal sebanyak 3.2 peratus daripada KDNK.